

TS
97

MEMBANGUNKAN SEBUAH SISTEM PENYAMANAN UDARA
MENGUNAKAN AIR SEBAGAI BAHAN PENDINGIN

MOHD HATTA BIN MOHD HASSAN @ MD KAYAT

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

UNIVERSITI TUN HUSSIEN ONN MALAYSIA

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS *

JUDUL: MEMBANGUNKAN SEBUAH SISTEM PENYAMANAN UDARA
MENGUNAKAN AIR SEBAGAI BAHAN PENDINGIN

SESI PENGAJIAN: 2008/2009

Saya MOHD HATTA BIN MOHD HASSAN @ MD KAYAT (DD050040)

mengaku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/Doktor Falsafah)* ini disimpan di Perpustakaan dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Tun Hussien Onn Malaysia.
2. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan(✓)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD


(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD



(TANDATANGAN PENULIS)

Disahkan oleh



(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:

NO 4, JALAN IMPIAN EMAS 15,
TAMAN IMPIAN EMAS,
81300 SKUDAI,
JOHOR DARUL TAKZIM.

EN. MD. ZIN BIN IBRAHIM
Nama Penyelia

Tarikh:


4/12/2008

Tarikh:

4.12.08

- CATATAN: *
- * Potong yang tidak berkenaan.
 - ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
 - ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

"Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal"

Tandatangan : 

Nama Penyelia : EN. MD. ZIN BIN IBRAHIM

Tarikh : 4.12.08

**MEMBANGUNKAN SEBUAH SISTEM PENYAMANAN UDARA
MENGUNAKAN AIR SEBAGAI BAHAN PENDINGIN**


MOHD HATTA BIN MOHD HASSAN @ MD KAYAT

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal

Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

DISEMBER, 2008

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan : 

Nama Penulis : MOHD HATTA B. MOHD HASSAN @ MD KAYAT

Tarikh : 4/12/2008

Teramat istimewa buat isteri, anak-anak, adik beradik dan insan yang amat kusayangi, kukasihi dan kusanjungi, abah dan emak, Mohd Hassan Bin Karmain & Shapiah Bte Budin ...

Tiada ucapan yang terindah didunia ini mampu untuk dilafazkan bagi menilai pengorbanan dan kasih sayang mu padaku...

Kau semangatku, kau sumber ilhamku dan kau jua nyawaku...

Seikhlasnya dari jauh sudut hatiku...

Ingin ku nyatakan betapa ku amat menyintai abah dan emak, isteri dan anak-anak.....

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnianya serta kekuatan yang diberikan akhirnya tesis ini dapat disiapkan didalam waktu yang ditetapkan dengan sempurna dan jayanya.

Setinggi-tinggi penghargaan ingin dirakamkan kepada En. Md.Zin Bin Ibrahim selaku penyelia projek ini di atas bimbingan, tunjuk ajar, teguran dan dorongan yang tidak pernah jemu diberikan sepanjang tempoh penyelidikan tesis ini. Jutaan terima kasih juga ditunjukkan kepada En. Wan Sabri Bin Wan Ismail dan En. Marzuki bin Mahamad Radzi yang menyokong kelulusan menggunakan Bengkel Penyejuk Bekuan dan Penyamanan Udara IKMJB. Tidak dilupakan juga kepada En. Wan Abd Malik dan staf-staf Bengkel Penyejuk Bekuan dan Penyamanan Udara IKMJB yang membantu mendapatkan alatan dan bahan kajian serta bimbingan yang diberikan sepanjang proses penyelidikan ini berjalan.

Setinggi penghargaan juga buat keluarga tercinta iaitu abah Mohd Hassan Bin Karmain, emak Shapiah Bte Budin, isteri Norhaslin Bte Eskan, anak-anak Nuramirrah, Nuraqilah, Muhammad Hanafi, Muhammad Hafiz, Nuraisyah, sahabat-sahabat, kawan-kawan dan semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menjayakan projek penyelidikan ini. Terima kasih yang tidak terhingga di atas segala-galanya.

ABSTRAK

Kajian ini adalah mengenai penghasilan Model Kajian R718 iaitu sebuah sistem penyamanan udara yang menggunakan air sebagai bahan pendingin. Tujuan kajian dilakukan adalah untuk menilai keberkesanan air sebagai bahan pendingin. Model Kajian R718 dibina dengan menyediakan sempal air yang melalui proses penapisan dan pengujian kealkalian serta mengenalpasti komponen bagi Model Kajian R718. Antara ujian yang dijalankan ialah pengujian prestasi, penentuan terminal, penebatan, dan pendawaian. Di dalam kajian ini beberapa parameter seperti Jumlah Haba yang dibebaskan oleh pemeluwap, Kesan Penyejukan, Kerja Pemampat dan Pekali Prestasi digunakan. Berdasarkan kepada keputusan yang diperolehi, perbandingan dibuat dengan menerusi simulasi perisian komputer *coolpack software* bagi R718 dan data piawaian model sebenar R22. Hasil daripada perbandingan tersebut menjelaskan bahawa peningkatan dan penurunan suhu akan mempengaruhi nilai Pekali Prestasi. Keputusan kajian ini menunjukkan Model Kajian R718 mempunyai nilai Pekali Prestasi yang tinggi iaitu 6.736 berbanding model sebenar R22 ialah 4.667. Ini juga menunjukkan bahawa Model Kajian R718 masih lagi berada didalam proses penyejukan yang ideal dan baik. Walau bagaimana pun Model kajian R718 tidak dapat menghasilkan tahap kesejukan sebagaimana model sebenar R22 yang mencapai tahap kesejukan suhu bilik sehingga 18°C.

ABSTRACT

This research is about Research Model R718 producing that is an air conditioning system using water as refrigerant. The research would be purpose to evaluate water effectiveness as refrigerant. Research Model R718 builds by providing sample water had been through with refining process and alkalinity testing and also identifies the component of Research Model R718. List of testing was performance testing, determination terminal, insulation and wiring. In this study a few parameters such as Total Heat rejected by Condenser, Refrigeration Effect, Work Done by Compressor and Coefficient of Performance to be used. Based on decision has been achieved make a comparison with simulation through the computer *Cool Pack Software* for R718 and standard data model R22. Result of that comparison explains that increase and decrease of temperature will affect Coefficient of Performance value. This research show that Research Model R718 has a high value Coefficient of Performance namely 6.736 compare with R22 real model value 4.667. This also indicated that Research Model R718 still in ideal refrigeration process and good Coefficient of Performance value. However even that Research Model R718 makes an unable like R22 real model to attained room temperature level coldness till 18 °C.

SENARAI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	SENARAI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SIMBOL	xvi
	SENARAI LAMPIRAN	xviii
BAB I	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang kajian	2
	1.3 Objektif Kajian	3
	1.4 Skop Kajian	3
	1.5 Rasional Kajian	4

BAB II	TEORI DAN KAJIAN LITERATUR	5
2.1	Pengenalan	5
2.2	Bahan Penyejuk Yang Unggul	6
2.3	Air Sebagai Bahan Pendingin	7
2.4	Model Teoritik	10
2.5	Pemampat	16
2.6	Penukar Haba	19
BAB III	METODOLOGI KAJIAN	20
3.1	Pengenalan	20
3.2	Instrumentasi	22
3.3	Lokasi Ujikaji Dijalankan	22
3.4	Prosedur Kajian	23
3.4.1	Penyediaan Bahan Pendingin	25
3.4.2	Mengenalpasti Komponen-Komponen Model	28
3.4.3	Model Kajian R718	31
3.4.4	Pengujian Model Kajian R718	32
3.4.4.1	Ujian Menentukan Terminal	32
3.4.4.2	Ujian Penebatan	34
3.4.4.3	Ujian Pendawaian	36
3.4.4.4	Ujian Prestasi	37
3.4.4.5	Membuat Perbandingan Data Antara Model Kajian R718 Dengan Simulasi Komputer Cool pack Software Bagi R718 Dan Data Piawaian Model Sebenar R22	39

BAB IV	KEPUTUSAN	42
4.1	Pengenalan	42
4.2	Keputusan Ujian Sampel Air	43
4.3	Keputusan Ujian Menentukan Terminal	45
4.3.1	Ujian Keats Motor Pemampat	45
4.3.2	Ujian Keatas Motor Kipas	46
4.3.3	Ujian Keatas Motor Pam Air	47
4.4	Keputusan Ujian Penebatan	49
4.4.1	Ujian Keats Motor Pemampat	49
4.4.2	Ujian Keatas Motor Kipas	50
4.4.3	Ujian Keatas Motor Pam Air	51
4.4.4	Analisa Ujian	51
4.5	Keputusan Ujian Pendawaian	52
4.6	Keputusan Ujian Prestasi	53
4.6.1	Data Model Kajian R718	53
4.6.2	Data Simulasi R718	57
4.7	Perbandingan Keputusan Ujian Antara Model Kajian R718 Dengan Simulasi R718 dan Data Piawaian Model Sebenar R22	60
4.8	Perbandingan Keputusan Ujian Tahap Kesejukan Antara Model Kajian R718 Dengan Model Sebenar R22.	63
BAB V	KESIMPULAN	64
5.1	Cadangan Kajian Masa Akan Datang Dan Lanjutan	65

RUJUKAN 67

LAMPIRAN 69

Hak Milik MARA

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	PERKARA	MUKA SURAT
2.1	Sifat-Sifat Bahan Penyejuk Berkait Rapat Pada Alam Sekitar, Keselamatan dan Kitaran Penyejukan Berdasarkan $T_e = 10^\circ\text{C}$, $T_c = 50^\circ\text{C}$ dan $\eta_s = 1$.	8
2.2	Ciri-Ciri Bagi Air Lawan Bahan Pendingin R12	15
2.3	Parameter Pemampat Empar	18
2.4	Perbandingan Model Pemampat Dalam Situasi Sebenar	19
4.1	Keputusan Bagi Sample Air Yang Diuji Menggunakan pH Solution	44
4.2	Keputusan Ujian Menentukan Terminal Keatas Motor Pemampat Berdasarkan Pada Suhu Sekeliling 20°C	45
4.3	Keputusan Ujian Menentukan Terminal Keatas Motor Kipas Berdasarkan Suhu Sekeliling 20°C	46
4.4	Keputusan Ujian Menentukan Terminal Keatas Motor Pam Air Berdasarkan Pada Suhu Sekeliling 20°C	47
4.5	Keputusan Ujian Penebatan Keatas Motor Pemampat Berdasarkan Suhu Sekeliling 20°C	49

4.6	Keputusan Ujian Penebatan Keatas Motor Kipas Berdasarkan Pada Suhu Sekeliling 20°C	50
4.7	Keputusan Ujian Penebatan Keatas Motor Kipas Berdasarkan Suhu Sekeliling 20°C	51
4.8	Keputusan Ujian Pendawaian Keatas Model Berdasarkan Pada Suhu Sekeliling 20°C	52
4.9	Keputusan Ujian Prestasi Bagi Model Kajian R718	54
4.10	Keputusan Ujian Prestasi Bagi Simulasi R718	57
4.11	Perbandingan Keputusan Ujian Prestasi Antara Model Kajian R718 Dengan Simulasi R718 Dan Data Piawaian Model Sebenar R22	60

Hak Milik MARA

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	PERKARA	MUKA SURAT
2.1	Haba Pendam Melawan Suhu Bagi Pelbagai Bahan Pendingin	7
2.2	Kitaran Penyejukan Mampatan Wap Satu Peringkat (a) Skematik Kitaran (b) Gambarajah Kitaran P-h	11
2.3	Gambarajah Kitaran Sistem Mampatan Wap Konvensional	14
2.4	Gambarajah Tekanan Melawan Isipadu Tentu Yang Ideal Bagi Sistem Kitaran Air dan R22	14
2.5	Gambaran Rajah Komponen Pemampat Empar	18
3.1	Carta Alir Kajian	24
3.2	Carta Aliran Proses Penapisan Air	27
3.3	pH Test Solution Yang Digunakan	27
3.4	Pemeluwap Sentuhan Secara Langsung	28
3.5	Pencairwap Sentuhan Secara langsung	29
3.6	Tiub Tembaga Yang Dibentuk Sebagai Penukar Haba	29
3.7	Pembentukan Badan Penukar Haba	30
3.8	Penukar Haba Yang Telah Siap Dimasukkan Kedalam Badanya	30
3.9	Penukar Haba Yang Sudah Siap Dipasang Dengan Armoflex	31

3.10	Model Kajian Yang Telah Siap Sepenuhnya Untuk Proses Pengujian	31
3.11	Ujian Menentukan Terminal Pada Motor Pemampat Sedang Dijalankan	33
3.12	Ujian Penentuan Terminal Pada Motor Kipas Sedang Dijalankan	33
3.13	Ujian Penentuan Terminal Pada Motor Pam Air Sedang Dijalankan	34
3.14	Ujian Penebatan Pada Motor Pemampat Sedang Dijalankan	35
3.15	Ujian Penebatan Pada Motor Kipas Sedang Dijalankan	35
3.16	Ujian Penebatan Pada Motor Pam Air Sedang Dijalankan	35
3.17	Ujian Pendawaian Pada Model Sedang Dijalankan	36
3.18	Ujian Prestasi Model Sedang Dijalankan	37
3.19	Ujian Prestasi Model Bagi Suhu Pemeluwap dan Suhu Penyejat Sedang Dijalankan	38
3.20	Proses Kitaran Penyejukan Sepertimana Data Yang Diperolehi Melalui Model Kajian R718	38
3.21	Spesifikasi Kitaran Proses Penyejukan	39
3.22	Analisa Proses Kitaran Penyejukan	40
3.23	Nilai Bacaan Pada Kedudukan Titik Analisa Proses Kitaran Penyejukan	41
3.24	Data-Data Tambahan Analisa Proses Kitaran Penyejukan	41
4.1	Hasil Ujian Keatas Sampel Air	43
4.2	Perbezaan Hasil Ujian Keatas Sampel Air	43
4.3	Rintangan Lawan Suhu Sekeliling Bagi Terminal Motor Pemampat, Motor Kipas dan Motor Pam Air	48

4.4	Pekali Prestasi Lawan Suhu Bagi Model Kajian R718	55
4.5	Suhu Penyejat Lawan Pekali Prestasi Bagi Model Kajian R718	56
4.6	Pekali Prestasi Lawan Suhu Bagi Simulasi R718	58
4.7	Suhu Penyejat Lawan Pekali Prestasi Bagi Simulasi R718	59
4.8	Perbandingan Keputusan Ujian Prestasi Antara Model Kajian R718 Dengan Simulasi R718 Dan Data Piawaian Model Sebenar R22	62
4.9	Masa Pengujian Lawan Kesejukan Suhu	63

Hak Milik MARA

SENARAI SIMBOL

R	-	Bahan Pendingin
R718	-	Air
R22	-	<i>Chlorodifluoromethane</i>
COP	-	Pekali Prestasi
GWP	-	Kesan Pemanasan Global
ODP	-	Penipisan Lapisan Ozon
P - h	-	<i>Pressure – Enthalpy</i>
T - s	-	<i>Temperature – Saturated</i>
CO ₂	-	Karbon Dioksida
Te	-	Suhu Penyejat
Tc	-	Suhu Pemeluwap
max	-	Maksimum
min	-	Minimum
%	-	Peratusan
°C	-	Darjah <i>Celcius</i>
°F	-	Darjah <i>Fahrenheit</i>
K	-	Kelvin
kJ/kg	-	Kilojoule/Kilogramm
g	-	Gram
kg	-	Kilogram
cm	-	Sentimeter
mm	-	Milimeter
m	-	Meter
m ³	-	Meter Padu

Ω	-	Ohm
$M\Omega$	-	Mega Ohm
∞	-	Infiniti
s	-	Saat
ρ	-	Ketumpatan
V	-	Isipadu
kJ	-	Kilo Joule
MJ	-	Mega Joule
MPa	-	Mega Pascal
J	-	Joule
ΔT	-	Perubahan Suhu
IEE	-	<i>Institute Of Electrical Engineering</i>
UTHM	-	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
IKMJB	-	Institut Kemahiran MARA Johor Bahru

Hak Milik MARA

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	PERKARA	MUKA SURAT
A	Jadual Perancangan (PSM 1 dan PSM 2)	69
B	P-h Diagram Bagi R718	72
C	T-s Diagram Bagi R718	74
D	Jadual Sifat Bagi R718	76
E	Senarai Instrumentasi	83
F	Surat Kebenaran	85
G	pH Water Chart	87
H	Lukisan Gegelung Penukar Haba	89
I	Lukisan Badan Penukar Haba	91
J	Data Sheet	93
K	Data Simulasi R718	95

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Air adalah merupakan satu unsur yang banyak terdapat di muka bumi ini dan kegunaannya mampu menembusi semua aspek dalam bidang perindustrian. Selain itu air adalah mesra alam, kos rendah, sifat-sifat termodinamik yang baik dan merupakan bahan yang tidak beracun. Dari aspek thermo pula ia adalah konsisten terhadap sistem kitaran penyejukan mampatan wap dan berpotensi untuk mencapai Pekali Prestasi *Coefficient of Performance* atau singkatannya C.O.P yang tinggi.

Air digunakan dengan meluasnya dalam proses mampatan wap terutamanya dalam proses pemanasan, pendinginan air, pengeluaran ais vakum, pengeringan dan pemisahan. Air juga digunakan dalam proses-proses pemindahan haba atau tenaga penyimpanan kedua contohnya dalam sistem berpusat atau sistem daerah pemanasan dan penyejukan, tangki penyejukan air berlapis dan sistem-sistem penyimpanan air batu serta sistem penyejukan turbin gas dan sistem penyejukan di industri-industri. Selain itu ianya juga digunakan dalam proses-proses menghasilkan kuasa dimana air digunakan sebagai bendalir untuk kerja-kerja dalam kitar kuasa yang terdapat dalam sistem penjanaan kuasa kitaran *Rankine* oleh Elovic dan Holmes (1996).

1.2 Latar Belakang Kajian

Dalam aplikasi penyejukan, penggunaan air sebagai satu bahan penyejuk adalah terhad pada sistem penyerapan *absorption system* yang dibina dengan mencampurkan kedua-dua bahan yang terdiri daripada *lithium bromide* dan air. Sistem penyerapan pendinginan ini mewakili hanya 1% sahaja jumlah sistem penyamanan udara yang dipasarkan. Sistem penyamanan udara yang berada adalah didominasi oleh sistem mampatan wap yang beroperasi dengan menggunakan bahan penyejuk sintetik. Hal ini menjadikan faktor daya penarik bagi air untuk digunakan sebagai bahan penyejuk bagi sistem kitaran penyejukan mampatan wap. Satu faktor permasalahan penting yang menyebabkan penggunaan air sebagai satu bahan penyejuk sangat mencabar ialah proses memampatkannya kepada tekanan rendah, isipadu wap tertentu yang tinggi untuk menukarkannya kepada tekanan terutamanya suhu yang tinggi diperlukan membenarkan proses penolakan haba berlaku daripada sistem tersebut.

Selain daripada itu, penggunaan air sebagai bahan penyejuk dalam sistem penyejukan mampatan wap juga boleh memberikan manfaat penting terhadap alam sekitar, yang mana air adalah satu bahan penyejuk yang secara ekologi adalah kukuh dengan tidak menimbulkan masalah kepada penipisan lapisan ozone *ozone depletion potential ODP* dan keupayaan pemanasan globalnya *global warming potential GWP_{100yr}* kurang daripada 1, berbanding dengan R-134a, *GWP_{100yr}* adalah bersamaan dengan 1300 (Devotta, 2000).

Daripada hasil kajian ini nanti, diharap sistem penyejukan yang cuba dihasilkan daripada sumber air sebagai bahan pendingin dapat dijadikan sebagai model untuk kajian akan datang dan perluaskan lagi penghasilannya serta di komersialkan.

1.3 Objektif Kajian

- i. Membangunkan sebuah sistem penyamanan udara menggunakan air sebagai bahan pendingin.

1.4 Skop Kajian

- i. Mendapatkan maklumat ciri-ciri sistem penyamanan udara yang menggunakan air sebagai bahan pendingin dan kajian literatur yang berkaitan.
- ii. Mengenalpasti ciri-ciri air sebagai bahan pendingin.
- iii. Membina model kitaran sistem penyejukan.
- iv. Membina dan mensimulasikan model menggunakan perisian *Coolpack Software*.
- v. Membangunkan dan membina sistem penyamanan udara yang menggunakan air sebagai bahan pendingin.

1.5 Rasional Kajian

Rasional kajian yang dijalankan ini adalah untuk melihat tahap kemampuan air sebagai bahan pendingin dan digunakan dalam sistem penyamanan udara. Selain itu, kosnya juga murah kerana sumber utamanya adalah terdiri daripada bahan yang mudah didapati dimuka bumi ini dan menepati syarat-syarat sebagai bahan pendingin.

Selain itu faktor yang paling penting terhadap kajian ini adalah menggunakan bahan yang sedia ada terdapat di muka bumi ini dan bahan tersebut tidak menimbulkan masalah kepada penipisan lapisan ozone (*ozone depletion potential*) atau singkatannya *ODP* dan tidak memberi kesan kepada pemanasan global *global warming potential* atau singkatannya *GWP* seperti yang terdapat pada kebanyakan bahan pendingin yang menggunakan kimia seperti yang sedia ada sekarang ini. Atas kelemahan-kelemahan bahan pendingin sedia ada inilah yang mendorong kajian dibuat terhadap bahan lain bagi digunakan sebagai bahan pendingin dan kaedah sistem yang akan digunakan kelak.

Oleh yang demikian, kajian yang akan dijalankan ini diharap dapat menjadikan air sebagai bahan pendingin kepada sistem penyejukan yang ada kini dan menjadi pemangkin dalam pengeluaran bahan pendingin berasaskan bahan yang mudah didapati dan dapat memenuhi pasaran sedia ada. Melalui kajian ini juga, kita akan dapat mengetahui tahap kemampuan air sebagai bahan pendingin serta membangunkan sistem yang sesuai digunakan dimana adakah ianya setanding dengan bahan pendingin yang menggunakan kimia ataupun bahan pendinginan tradisional melalui sistem sedia ada.



BAB II

TEORI DAN KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Kajian literatur merupakan suatu olahan yang dilakukan keatas kajian yang telah dibuat sebelum ini oleh para pengkaji terdahulu dan ia juga merupakan satu kajian ilmiah yang dilakukan ke atas tajuk yang akan dilaksanakan. Ia merupakan satu bahagian yang lebih memfokuskan kepada keputusan dan analisis untuk meningkatkan pemahaman terhadap kajian yang akan dilakukan. Selain itu, ia juga bertujuan untuk memberi garis panduan dan parameter yang berkaitan dengan kajian yang akan dilakukan. Didalam bab ini, perkara yang akan diterangkan dan dibincangkan adalah mengenai ciri-ciri air sebagai bahan pendingin, perbandingan keupayaan air dengan bahan pendingin yang lain, penggunaan air sebagai bahan pendingin di dalam sistem kitaran mampatan wap ataupun dikenali sebagai *vapor compression cycle* dan analisa kitaran.


2.2 Bahan Penyejuk Yang Unggul

Bahan penyejuk yang unggul akan menghasilkan kapasiti penyejukan maksimum untuk kuasa masukan yang minima. Bahan penyejuk yang baik juga haruslah selamat kepada keadaan persekitaran, kos rendah, sifat-sifat thermodinamik yang baik dan merupakan bahan yang tidak beracun. Selain daripada itu ciri-ciri lain untuk menjadikan sesuatu bahan itu boleh digunakan sebagai bahan pendingin ialah :

- i. Boleh menghasilkan haba pendam pengewapan yang tinggi.
- ii. Mempunyai tekanan kerja yang munasabah.
- iii. Bahan yang stabil.
- iv. Tidak mudah terbakar.
- v. Tidak memberi kesan kepada alam sekitar dimana bahan itu tidak memberi kesan terhadap lapisan ozon ataupun memberi kesan terhadap pemanasan global.
- vi. Boleh menghasilkan pekali prestasi yang tinggi.
- vii. Mempunyai kekonduksian yang tinggi.
- viii. Kelikatan yang rendah.
- ix. Haba mampatan yang rendah.
- x. Boleh larut dengan minyak supaya sistem pelinciran berkesan.
- xi. Tidak berbahaya apabila bertindak balas dengan minyak walaupun dengan kehadiran kelembapan.

2.3 Air Sebagai Bahan Pendingin.

Menurut McLinden (1987), pula air memenuhi semua syarat-syarat asas untuk di jadikan sebagai bahan penyejuk kerana ia adalah stabil, tidak beracun, tidak mudah terbakar, tidak mendatangkan kesan terhadap penipisan lapisan ozone, kesan terhadap pemanasan global, sebarang masalah selepas digunakan dan kelebihan yang lain berbanding bahan pendinginan yang lain, dimana ia boleh bekerja pada tekanan rendah tanpa melibatkan keselamatan, menghasilkan pekali prestasi yang tinggi jika dibandingkan dengan bahan pendingin yang lain serta suhu enthalpinya yang tinggi yang terdapat pada **Rajah 2.1** untuk melihat perbezaannya.



Rajah 2.1 : Haba Pendam Melawan Suhu Bagi Pelbagai Jenis Bahan Pendingin
(Sumber : American Institute of Aeronautics and Astronautics)

Air telah dikelaskan didalam kumpulan pertama iaitu terdiri daripada kumpulan gas yang paling selamat sekali dan telah dikodkan sebagai R718 yang membawa maksud *Refrigerant 718* oleh simulasi perisian *Coolpack Software*, (2000).

Selain itu gambarajah tekanan entalpi iaitu *P-H diagram* rujuk **Lampiran B**, gambarajah suhu iaitu *T-S diagram* rujuk **Lampiran C** dan jadual sifat (rujuk lampiran D) berkenaan air telah dihasilkan oleh simulasi perisian *Coolpack Software*, (2000). "Penjadualan piawai berkenaan air sebagai bahan pendingin juga telah dihasilkan oleh Wagner dan Krause, (1998)"

Jadual 2.1 adalah merupakan ciri-ciri penting bagi pelbagai jenis bahan pendingin bersama-sama dengan data keupayaan dan parameter kitaran yang diperolehi hasil daripada simulasi perisian yang digunakan untuk menggambarkan secara teoritik sebuah kitaran penyejukan mampatan wap tanpa adanya kejatuhan tekanan, tiada sub-pendinginan dan panas lampau. Kitaran ini berdasarkan pada suhu operasi di penyejat $T_c = 10^\circ\text{C}$, suhu pemeluwap $T_c = 50^\circ\text{C}$ dan kecekapan isentropik $\eta_s = 1$.

Jadual 2.1 : Sifat-Sifat Bahan Penyejuk Berkait Rapat Pada Alam Sekitar, Keselamatan dan Kitaran Penyejukan Berdasarkan Pada $T_c = 10^\circ\text{C}$, $T_c = 50^\circ\text{C}$ dan $\eta_s = 1$ (Sumber : CoolPack Software 2000).

Type	ODP	GWP	Safety Group	Ref. Cap. (kj/kg ⁻¹)	COP	Spec. vol. (m ³ kg ⁻¹)	π	Comp. out temp (°C)
R718	0 [†]	0 [†]	A1*	2309	5.70	106.4	10.0	223
R717	0 [†]	0 [†]	B2*	102.9	5.96	0.205	3.03	99
R12	1 [‡]	8500 [‡]	A1*	106.5	5.70	0.0409	2.88	55
R22	0.034 [‡]	1900 [‡]	A1*	145.6	5.60	0.0347	2.85	67
R290	0 [‡]	20 [‡]	A3*	250.1	5.42	0.0725	2.66	54
R717	0 [‡]	1600 [‡]	A1*	131.9	5.54	0.0491	3.18	62
R152a	0 [‡]	190 [‡]	A2*	228.0	5.88	0.0865	3.15	52

Maklumat dari **Jadual 2.1** menunjukkan bahawa bahan pendingin *R718* adalah merupakan bahan pendingin yang terbaik diantara bahan pendingin yang lain dari segi *ODP*, *GWP*, keselamatannya dan spesifik jisim penyejukannya. Apabila nilai pekali prestasinya dibuat perbandingan ia menunjukkan bahawa *R718* ini adalah yang ketiga terbaik di antara bahan pendingin yang lain. Selain itu juga ia menunjukkan bahawa perhubungan di antara suhu penyejat, suhu pemeluwap dan kecekapan isentropik akan memberikan keupayaan pekali prestasi *COP* yang baik.


Menurut Ophir & Koren, (1999) mengatakan bahawa penyejukan wap air menggunakan tenaga yang rendah, penyenggaraan yang rendah dan kos operasi rendah berbanding dengan bahan penyejuk yang lain.

Walaupun air mempunyai ciri-ciri dan sifat-sifat bahan pendingin yang baik seperti yang dinyatakan awal tadi terdapat juga halangan yang terpaksa ditempuhi untuk digunakan sebagai bahan pendingin dimana ia memerlukan spesifik pengaliran yang besar dan nisbah tekanan yang tinggi untuk memberi kesan pada suhu penyejat dan pemeluwap, ini memerlukan pemampat yang terlalu besar berkelajuan tinggi untuk bekerja bagi mendapatkan tekanan dibawah vakum dan halangan yang kedua pula ialah mengambil ruang yang terlalu banyak untuk menempatkan pemampat berperingkat, ini menjadikan unit tersebut mahal harganya.


2.3 Model Teoritikal

“Chen and Parasad (1999), menggunakan pendekatan model satu peringkat kitaran mampatan wap yang menggunakan komponen-komponen asas kitaran iaitu pemampat, pemeluwap, injap pengembangan dan penyejat dengan menggunakan air sebagai bahan pendingin. **Rajah 2.2** menunjukkan gambarajah skematik berkenaan komponen-komponen sistem serta gambarajah tekanan entalpi (*pressure-enthalpy*) yang menunjukkan keadaan kitaran sistem tersebut.

Dalam teori kitaran mampatan wap yang terdapat pada **Rajah 2.2**, bahan penyejuk memasuki pemampat di kedudukan 1 dalam keadaan tekanan rendah, suhu rendah, dan wap tepu. Daripada keadaan 1 hingga 2, bahan penyejuk adalah dimampat oleh pemampat dan diluahkan di kedudukan 2 dalam keadaan tekanan tinggi, suhu tinggi dan keadaan wap panas lampau. Selepas itu di kedudukan 2, ia memasuki pemeluwap di mana haba akan dibebaskan ke persekitaran sekeliling. Bahan pendingin akan keluar dari pemeluwap pada kedudukan 3 dalam keadaan tekanan tinggi, suhu tinggi dan cecair tepu. Seterusnya daripada kedudukan 3, bahan penyejuk akan memasuki pula injap pengembangan di mana proses semburan berlaku disini yang menyebabkan cecair bahan pendingin yang bertekanan tinggi dan bersuhu tinggi tadi bertukar kepada cecair yang bertekanan rendah dan bersuhu rendah. Bahan pendingin ini memasuki pula kedudukan 4 di mana berlakunya proses penyerapan haba dan penukaran cecair yang bertekanan rendah dan bersuhu rendah itu tadi bertukar kepada wap yang bertekanan rendah dan bersuhu rendah. Dalam kitaran teori ini kita menganggap bahawa tiada berlakunya pelampau panasan dalam saluran sedutan, tiada sub-pendinginan berlaku dalam saluran cecair dan tidak berlakunya susutan tekanan sepanjang kitaran.



(a)



(b)

Rajah 2.2 : Kitaran Penyejukan Mampatan Wap Satu Peringkat (a) Skematik Kitaran (b) Gambarajah Kitaran $P-h$

Ia juga menganggap bahawa keadaan mantap itu dan syarat-syarat aliran seragam wujud disepanjang unsur-unsur kitaran penyejukan mampatan wap dan perubahan dalam kuasa-kuasa yang kinetik, potensi tenaga dan kehilangan haba daripada pemampat adalah diabaikan. Oleh itu, kerja tertentu mampatan w_{comp} untuk pemampat boleh dituliskan sebagai persamaan :

$$W_{comp} = h_2 - h_1 \quad (3.1)$$

di mana h_1 dan h_2 adalah enthalpi bahan penyejuk masing-masing di saluran masuk pemampat dan keluar pemampat, bahan pendingin yang dibuat terdiri daripada gas unggul disepanjang proses pemampatan. Oleh itu kerja mampatan tertentu oleh mampatan juga dijelaskan seperti persamaan :

$$W_{comp} = \frac{c_p T(\text{comp})^i [\pi^{(k-1)} - 1]}{\eta_{is}} \quad (3.2)$$

di mana π , $T(\text{comp})^i$ adalah nisbah tekanan (nisbah tekanan pemeluwap dan tekanan penyejat), dan suhu di saluran masuk pemampat, manakala η_{is} adalah kecekapan seentropi pemampat, c_p , dan k adalah tekanan malar spesifik haba dan nisbah haba spesifik bahan penyejuk. Kecekapan seentropi pemampat boleh dijelaskan dalam terma-terma kecekapan politropik, η_{is} nisbah tekanan dan nisbah haba spesifik seperti persamaan :

$$\eta_{is} = \frac{\pi^{(k-1)/k}}{[\pi^{(k-1)/k} \eta_p - 1]} \quad (3.3)$$

Sepanjang proses semburan dalam injap pengembangan, ia adalah dianggap bahawa tiada pemindahan haba berlaku pada udara sekeliling yang mengakibatkan persamaan berikut

$$h_3 = h_4 \quad (3.4)$$


Kemampuan penyejukan kitaran boleh dihitung daripada kadar perubahan entalpi dalam penyejat mengikut persamaan :

$$q_r = (h_1 - h_4) \quad (3.5)$$


di mana q_r adalah beban penyejukan yang terdapat pada kitaran penyejukan. Pekali prestasi (*COP*) kitaran penyejukan kemudian terkira seperti persamaan :

$$COP = \frac{q_r}{W_{comp}} \quad (3.6)$$

Rajah 2.3 menunjukkan satu kitaran penyejukan mampatan wap konvensional yang beroperasi di antara suhu penyejat yang normal 6.67 °C dan suhu pemeluwap 35 °C, manakala **Rajah 2.4** pula menunjukkan gambarajah *P-V* kitaran unggul air sebagai bahan pendingin dan bahan pendingin R-22.



Rajah 2.3 : Gambarajah Kitaran Sistem Mampatan Wap Konvensional.



Rajah 2.4 : Gambarajah Tekanan Melawan Isipadu Tentu Yang Ideal Bagi Sistem Kitaran Air dan R22.

(Sumber : John Wiley and Sons, Ltd)

Rajah 2.3 menunjukkan bahawa, nyata sekali kitaran penyejukan air beroperasi dengan tekanan-tekanan yang lebih rendah dan dengan isipadu tertentu yang lebih tinggi di sedutan pemampat. Nisbah tekanan yang dikehendaki juga adalah lebih besar untuk kitaran berlandaskan air walaupun perbezaan yang mewakili tekanan mutlak oleh nisbah tekanan ini adalah lebih kecil. Ciri-ciri ini diringkaskan dalam jadual 2 mengikut persamaan perkiraan 1000 tan keupayaan kitar.

Jadual 2.2 : Ciri-Ciri Bagi Air Lawan Bahan Pendingin R-22

Quantity	Water	R-22
Theoretical coefficient of performance, COP	8.39	8.48
Carnot Coefficient of Performance, COP_{Carnot}^P	9.88	9.88
COP/COP_{Carnot}^P	0.85	0.86
Compressor isentropic discharge temperature, T_{2s} , °F	313	118
Throttling loss, $(s_4-s_3)/Q$, R^{-1}	$4.7e-6$	$2.8e-5$
Superheat loss, $S_{gen,sh}/Q$, R^{-1}	$2.83e-4$	$3.5e-5$
Compressor inlet specific volume, v_1 , ft^3/lbm	2111	0.61
Compressor suction pressure, P_1 , psia	0.14	89
Compressor saturated suction temperature, $T_{1,sat}$, °F	44	44
Compressor discharge pressure, P_2 , psia	0.82	196
Compressor saturated discharge temperature, $T_{2,sat}$, °F	95	95
Compression ratio, PR	5.75	2.2
Pressure lift, $P_2 - P_1$, psia	0.7	107
Compressor inlet volumetric flow rate, ft^3/s	6900	29
Isentropic enthalpy difference across compressor, Δh_s , Btu/lbm	121	8.3

1. $S_{gen,sh}$ is the entropy generated by the irreversible de-superheat process

(Sumber : John Wiley and Sons, Ltd)

Hasil daripada sumber data diatas menunjukkan beberapa perkara telah diperolehi :

- i. keunggulan *COP* bagi air sebagai bahan pendingin adalah setanding dengan bahan pendingin R-22.
- ii. Manakala isipadu tertentu bendalir yang memasuki pemampat adalah lebih tinggi bagi kitaran air iaitu 3500 kali. Oleh itu, kadar aliran isipadu melalui pemampat pula adalah lebih tinggi 240 kali walaupun kadar aliran jisim diperlukan adalah lebih kecil.

- iii. Selain daripada itu Nisbah tekanan yang diperlukan oleh kitaran air adalah lebih tinggi daripada kitaran untuk R-22 kitar iaitu 2.6 kali ganda.
- iv. Berdasarkan teori pemampat suhu keluaran adalah lebih tinggi untuk kitaran air dan kehilangan panas lampau lebih besar daripada kitaran bahan pendingin R-22 iaitu 8 kali ganda. Hasilnya, sebarang usaha bertujuan untuk mengurang panas lampau melalui konfigurasi-konfigurasi kitaran adalah diharapkan untuk memberikan kesan yang besar ke atas kecekapan kitaran.
- v. Entropi dihasilkan oleh proses pendikitan seperti ditunjukkan untuk air adalah lebih rendah daripada yang dihasilkan oleh proses nyah panas lampau iaitu 1/60 kali ganda. Hasilnya, sebarang usaha bertujuan untuk menggantikan pendikit dengan peralatan isentropik yang lebih, diibaratkan sebagai satu kerja mengeluarkan pengembang akan mengakibatkan prestasi yang minimum.

2.4 Pemampat

Halangan terbesar bagi membangun sistem kitaran penyejukan berlandaskan air adalah tertumpu kepada pemampat. Ini kerana keperluan pemampat mestilah memuakan syarat-syaratnya iaitu nisbah tekanan yang tinggi, keupayaan aliran yang tinggi, kecekapan yang tinggi, dan tidak akan diperolehi dalam kos modal yang rendah. Untuk memenuhi ciri-ciri tersebut dengan menggunakan model-model simulasi perlu dilakukan terhadap perkakasan pemampat supaya menjadikannya lebih fizikal realistik dan dapat menjelaskan isu-isu berkenaan aspek-aspek mekanikal pemampat.

Menurut Cohen, *et al*, (1987), satu alternatif yang baik untuk mampatan wap air adalah dengan menggunakan pemampat dinamik, yang mana paksi dan mesin-mesin pemampat empur boleh digunakan dengan cekap untuk mencapai kedua-dua nisbah tekanan besar dan luas isipadu kadar aliran. Dalam pemampat dinamik, kerja yang dihantar oleh bendalir adalah dalam jisim perunit adalah sesuai dengan perubahan dalam momentum melalui sudut aliran pendesak


Menurut Wight *et. al*, (2000), melalui kajian menentukan konfigurasi-konfigurasi pemampat terbaik yang sesuai untuk sistem penyejukan berlandaskan wap air merumuskan bahawa pemampat yang mempunyai pendesak yang besar akan menghasilkan kecekapan yang sederhana.

Menurut Kauffeld, M. Minds, G., Madsboll, H., (1996), menerusi kajian yang dijalankan di *LEGO Systems plant* berkenaan beban penyejukan di kilang tersebut yang berada di antara 1300 kW dan 1700 kW, mampatan keseluruhan dapat dicapai melalui penggunaan pemampat empur dua peringkat. Ia juga mengakibatkan pendesak *impeller* beroperasi menghampiri kelajuan 400 m/s, dimana ianya menghampiri 80% – 90% daripada kelajuan bunyi.

Model pemampat empur adalah merupakan model pemampat yang sesuai digunakan untuk sistem penyejukan mampatan wap air ini berdasarkan parameter-parameter yang diperolehi melalui kajian terdahulu dengan menggunakan perisian seperti dalam **Jadual 2.3**. Model ini dibina dengan menggabungkan beberapa sub-sub komponen pemampat empur seperti pendesak (*impeller*), sumpitan (*nozzle*), ruangan bilah kipas (*vaneless space*), bilah kipas penyebar (*vaned diffuser*) dan pemungut (*the collector*) bagi memperolehi keupayaan pada injap masukan dan keluaran pemampat. Makala **Rajah 2.5** menunjukkan gambaran komponen-komponen yang terdapat di dalam pemampat empur tersebut yang mengandungi sumpitan (*nozzle*), mata bilah pendesak (*impeller blade*), ruangan bilah kipas (*vaneless space*), bilah kipas penyebar (*vaned diffuser*), sesiput (*volute*) dan keluaran pemampat (*compressor exit*) .

Jadual 2.3 : Parameter Pemampat Empar

Parameter	Symbol	Default value*
Slip factor	σ	0.9
Nozzle efficiency	η_{nozzle}	0.95
Hub-to-tip ratio	$r_{\text{hub-to-tip}}$	0.2
Impeller blade diffusion	Diffusion	0.8
Impeller blade total-to-total efficiency	$\eta_{\text{TT, imp}}$	0.9
Vaneless space efficiency	η_{vs}	0.95
Mach number at vaneless space exit	Ma_4	0.8
Diffuser coefficient of pressure recovery	C_{pr}	0.7
Diffuser inlet-to-exit velocity ratio	c_5/c_4	0.25
Specific Speed	n_s	0.58



Rajah 2.5 : Gambaran Rajah Komponen Pemampat Empar

Jadual 2.4 : Perbandingan Model Pemampat Dalam Situasi Sebenar

Inlet Parameters	Refrigerant	Water		CCl ₂ F (R-11)		CCl ₂ F ₂ (R-12)		R500	
	Inlet temp		5.6°C		2.0°C		2.0°C		11.4°C
Inlet pressure		0.90 kPa		40.2 kPa		319.8 kPa		418.5 kPa	
Pressure ratio		6.60		4.47		3.00		2.10	
Mass flow rate		1.41 kg/s		6.89 kg/s		10.23 kg/s		42.24 kg/s	
Capacity		1000 ton		300 ton		300 ton		1810 ton	
Model Outputs	Source	Concepts ETP ¹	UW - Madison	Wiesner, Caswell ²	UW - Madison	Wiesner, Caswell ²	UW - Madison	Braun, D/FW ³	UW - Madison
	Rotation speed	4800 rpm	5381 rpm	7610 rpm	6920 rpm	11870 rpm	10600 rpm	3900 rpm	3762 rpm
Efficiency (isen)		0.747	0.764	0.766	0.763	0.780	0.749	0.697	0.708
Tip radius		1.33 m	1.23 m	0.24 m	0.26 m	0.09 m	0.15 m	0.36 m	0.41 m
Tip velocity		670 m/s	670 m/s	195 m/s	190 m/s	173 m/s	171 m/s	146 m/s	160 m/s

(Sumber : Orsi, LeDrew, Wight, Yoshinaka, (2000), Wiesner, Caswell, (1960), and Braun, (1988).

Menurut Blaise, J.C., Yuan, Q.S, (1988), kitaran penyejukan mampatan wap air ini menimbangkan penggunaan semburan air secara langsung didalam pemampat bagi meminimumkan panas lampau yang terhasil semasa proses pemampatan.

Menurut Knasiak, K.F., Schick, R.J., (2000), idea bagi menggunakan alat untuk memancutkan cecair secara semburannya yang sangat halus *atomizers* sebagai penyejukan kilat dalaman *flash intercoolers* didalam sistem pemampat.

2.5 Penukar Haba

Penggunaan air sebagai satu bahan pendingin membenarkan untuk memilih sama ada perlu menggunakan sentuhan hubungan langsung atau sentuhan tak langsung terhadap penukar haba. Pertukaran haba hubungan langsung ialah satu opsiyen kerana air adalah berkesan dan mudah untuk membawa bendalir haba dan kerana ia adalah bukan beracun. Tanpa menghiraukan jenis penukar haba yang terpilih, tekanan-tekanan rendah pada mana satu kitar air beroperasi menjadikan kehilangan tekanan dan susutan kadar aliran tekanan penting yang mesti ada dipertimbangkan apabila menaksir kebolehlaksanaan menggunakan air sebagai satu bahan penyejuk.

Menurut Blaise, J.C., Yuan, Q.S, (1988), penukar haba adalah dianggap dua sentuhan secara langsung diantara kelompang dengan geometri tiub. Injap pengembangan digandingkan dengan aras pengesanan cecair bagi mengekalkan satu tahap tertentu didalam takungan-takungan air penukar haba dan ia juga menyatakan bahawa air merupakan bendalir yang sangat baik apabila bekerja didalam pam haba, walaupun terdapatnya ruang bagi pembaikan dalam proses pemampatan serta dalam proses sejukan dalaman (*intercooling*).

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

Dalam bab ini, akan diterangkan tentang kaedah ataupun metodologi kajian yang digunakan dalam mencapai objektif yang telah dinyatakan. Metodologi kajian yang akan dijalankan ini adalah berdasarkan skop kajian yang telah ditetapkan bagi ujikaji ini. Dalam bab ini juga akan diterangkan tentang prosedur - prosedur dan langkah - langkah kerja yang akan dijalankan.

3.1 Pengenalan

Dalam bab ini, ia lebih memfokuskan kepada proses membangunkan sebuah model sistem penyamanan udara menggunakan air sebagai bahan pendingin melalui sistem penyejukan wap air. Pada peringkat permulaan, kajian awal atau metodologi kajian dilakukan dengan mendapatkan pengetahuan asas dan juga latar belakang berkenaan air sebagai bahan pendingin serta sistem yang sesuai untuk digunakan. Kajian awal ini juga diharapkan dapat membantu dan memudahkan proses menghasilkan evolusi baru bagi sistem penyamanan udara dengan menggunakan air sebagai bahan pendingin.

Aktiviti ini merangkumi aspek mencari maklumat berkenaan air sebagai bahan pendingin, membuat analisa kitaran dengan menggunakan perisian dan membangunkan model. Menghasilkan ataupun membangunkan sesuatu konsep idea terdahulu di mana beberapa konsep idea yang difikirkan atau dicadangkan berlandaskan kepada penyelesaian terhadap masalah yang telah didefinisikan.

3.2 Instrumentasi.


Instrumentasi atau peralatan yang akan digunakan adalah peralatan yang berkaitan dengan kerja-kerja sistem penyamanan udara adalah sebagaimana yang terdapat didalam **Lampiran E**. Kesemua peralatan ini adalah menepati piawaian ISO 13849-1 keselamatan bagi peralatan dan mesin-mesin.

3.3 Lokasi Ujikaji Dijalankan.

Lokasi ujikaji yang akan dijalankan ini telah mendapat kerjasama daripada pihak Institut Kemahiran Mara Johor Bahru iaitu di bengkel penyejukan dan penyamanan udara seperti mana surat didalam **Lampiran F**. Pemilihan lokasi ini adalah kerana ia mempunyai kemudahan-kemudahan yang mencukupi untuk ujikaji ini serta bantuan daripada pihak terbabit amat diperlukan. Sistem ini akan diukur kemampuannya mengikut keupayaannya unit. Dimana 1 kuasakuda bersamaan ukuran luas sesebuah bilik secara *Rule Of Thumb* dengan ukuran bilik 13 – 15 m² ataupun keluasan bilik 12 x 12 m.

3.4 Prosedur Kajian

Rajah 3.1 menunjukkan carta alir bagi metodologi kajian yang akan dijalankan berkenaan dengan prosedur-prosedur dan langkah-langkah kerja. Ringkasan kaedah dan gambaran meliputi kajian literature, penyediaan bahan pendingin yang mana ianya melibatkan proses penapisan air dari sumber bekalan, menentukan komponen model yang akan digunakan seperti pemampat, pemeluwap, alat pemeteran, penukar haba serta pencairwap. Seterusnya komponen-komponen tersebut dipasang untuk menjadikannya sebuah model ujikaji yang lengkap serta dibuat pengujian terhadap model tersebut. Jikalau model ini berjaya melalui berbagai pengujian ianya akan dianalisa dan dibuat cadangan bagi membuat pengubah baikan dimasa-masa hadapan.



Rajah 3.1 : Carta Alir Kajian

3.4.1 Penyediaan Bahan Pendingin.

Bahan utama yang digunakan didalam kajian ini adalah air yang ditapis kerana ia yang mengandungi bahan *antioksid*a bagi tujuan untuk menutralkan radikal bebas dan mencegah kerosakan terhadap komponen-komponen.

Rajah 3.2 merupakan carta aliran yang menunjukkan proses penapisan air ini, proses ini akan melalui enam peringkat penapisan, diantara peringkat-peringkat penapisan tersebut ialah:

- i. *Ceramic Filter*
Menyingkirkan bahan pencemaran, lumpur, bau busuk dan kuman yang merbahaya.
- ii. *Cation Exchanged Resin + Activated Carbon* (Berwarna Kuning)
Menyingkirkan klorin, warna, bau busuk, bahan toksid, bahan-bahan kimia yang terdapat dalam air dan melembutkan air serta mengekalkan keasliannya.
- iii. *KDF-55 + Titanium Alloy + FIR* (Berwarna Hijau)
Mengeluarkan logam berat yang terlarut seperti plumbum, merkuri, nikel, cromium dan sebagainya. Aloi Titanium dan FIR yang sempurna dapat menghasilkan hidrogen aktif yang dapat mengurangkan keupayaan elektrik ke mv negatif untuk meneutralkan radikal bebas di dalam badan.

iv. *Energy Converter + Alkaline FIR Ball* (Berwarna Merah)

Mengekalkan kealkalian air dan meningkatkan kandungan kalsium serta menyekat perkembangan virus dan bakteria. Menyusun semula kelompok-kelompok air menjadi lebih kecil, meningkatkan paras oksigen dan merangsang metabolisme.

v. *Tourmaline Filter* (Berwarna Biru)

Adalah hasil semulajadi bagi ion negatif. Ia juga diketahui dapat membantu untuk melancarkan peredaran dan memantapkan sistem imun.

vi. *Nano Silver + "A" Grade Finest Activated Carbon* (Berwarna Ungu)

Menyaring sehalus 2NM (2 billion meter) membunuh bakteria, virus dan lain-lain mikro-organisma supaya menjadi air selamat dan sihat untuk diminum. Menyingkirkan lebih 650 jenis kuman yang terdapat dalam air. Mempunyai sifat anti-bakteria semulajadi dan menyegarkan kualiti air.

Hak Milik MARA



Rajah 3.2 : Carta Aliran Proses Penapisan Air

Setelah air tersebut ditapis, ia akan diuji untuk memastikan nilai alkalinnya dengan menggunakan sejenis cecair pengujian yang dikenali dengan nama *pH Solution* seperti **Rajah 3.3** prosedur penggunaannya ialah dengan menitiskan sebanyak 2 hingga 3 titisan keatas air yang telah ditapis dan membiarkan seketika untuk melihat tindak balas perubahan warnanya. Hasil warna yang diperolehi akan dipadankan dengan *pH Water Chart* seperti **LAMPIRAN G** bagi mengetahui nilai pH.




Rajah 3.3 : *pH Test Solution* Yang Digunakan


3.4.2 Mengenalpasti Komponen-Komponen Model.

Menetapkan had keupayaan model kajian R718 ini amat diperlukan. Oleh itu sebagai pengukurannya, model kajian R718 ini ditetapkan dengan keupayaan 1 kuasakuda (*horsepower*) ataupun bersamaan dengan 0.746 kW. Melalui penetapan ini adalah diharapkan bahawa model kajian R718 yang akan dapat dihasilkan dan beroperasi dengan sempurnanya.

Setelah penetapan keupayaan ditentukan pemilihan komponen yang sesuai adalah diperlukan untuk menghasilkan model kajian R718. Ini penting supaya sistem itu nanti dapat mencapai sepertimana keupayaan yang telah ditetapkan. Komponen yang diperlukan adalah terdiri daripada Pemampat, Pemeluwap, Peranti Pemetaran, Penukar Haba dan Penyejat. Model ini memerlukan pemampat yang berkeupayaan 0.746 kW dan dari jenis pemampat empur seperti mana yang telah diterangkan sebelum ini. Selain daripada itu pemampat dari jenis ini juga dapat menepati keupayaan yang maksimum. Bagi komponen pemeluwap dan pencairwap ianya menggunakan pemeluwap yang telah tersedia ada bagi model sistem penyamanan udara *ASCAN AXB 100Y* seperti **Rajah 3.4** bagi pemeluwap dan **Rajah 3.5** bagi penyejat. Kedua-duanya komponen ini menggunakan kaedah pembebasan haba sentuhan secara langsung.



Rajah 3.4 : Pemeluwap Sentuhan Secara Langsung



Rajah 3.5 : Pencairwap Sentuhan Secara Langsung

Bagi komponen penukar haba ianya diperbuat dengan menggunakan tiub tembaga bersaiz diameter 6.35 mm berbentuk gegelung dengan ketinggian 215.9 mm, diameter 50.8 mm dan lebar kedua-dua gegelung 120.7 mm seperti yang tunjukkan dalam **Rajah 3.6** dan lukisan skematik bagi komponen rujuk dalam **LAMPIRAN H**. Manakala bagi badannya ia diperbuat dengan menggunakan *Acrylic Sheet* setebal 6.35 mm berukuran penjangnya 165.1 mm, lebar 120.7 mm dan tinggi 330.2 mm seperti dalam **Rajah 3.7** dan lukisan skematik yang terdapat didalam **LAMPIRAN I**.



Rajah 3.6 : Tiub Tembaga Yang Dibentuk Sebagai Penukar Haba



Jadual 3.9 : Penukar Haba Yang Sudah Siap Dipasang Dengan *ArmoFlex*

3.4.3 Model Kajian R718.

Setelah kerja-kerja menyambungkan kesemua komponen-komponen selesai dilakukan. Maka terbentuklah model kajian R718 dan kerja-kerja pengujian pula perlu dilakukan. **Rajah 3.10** menunjukkan model kajian R718 yang telah siap serta kerja-kerja memasukkan air kedalam sistem dilakukan sebelum model kajian R718 ini diuji prestasinya.



Rajah 3.10 : Model Kajian Yang Telah Siap Sepenuhnya Untuk Proses Pengujian.

3.4.4 Pengujian Model Kajian R718.

Di dalam menjalankan pengujian keupayaan terhadap model kajian R718 yang dihasilkan, sebanyak lima pengujian yang perlu dilaksanakan bagi memastikan tahap keupayaan model tersebut di antaranya ialah:

- i. Ujian menentukan terminal (*terminal test*)
- ii. Ujian penebatan (*insulation test*).
- iii. Ujian pendawaian (*wiring test*).
- iv. Ujian prestasi (*performance test*).
- v. Membuat perbandingan data antara model kajian R718 dengan data simulasi perisian komputer *coolpack software* bagi R718 dan data piawaian model sebenar R22.

3.4.4.1 Ujian Menentukan Terminal (*Terminal Test*).


Ujian ini perlu dilakukan terhadap komponen-komponen seperti motor pemampat, motor kipas, dan motor pam air sebelum ujian yang lain dijalankan bertujuan untuk memastikan bahawa segala penyambungan terminal yang akan dilakukan pada komponen adalah betul. Ujian ini juga dikenali dengan ujian rintangan gegelung motor yang diukur dengan menggunakan peralatan *Multimeter*.

Rajah 3.11 menunjukkan ujian penentuan terminal motor pemampat sedang dijalankan, pertama sekali terminal perlulah ditandakan dengan abjad huruf A, B, C supaya mudah untuk dikenalpasti nilai rintangannya. Melalui nilai bacaan rintangan yang diukur, penentuan terminal dapat ditentukan dengan mengambil kira nilai bacaan rintangan yang paling tinggi sekali dan bertentangan menunjukkan terminal umum (*common terminal*), nilai bacaan rintangan yang kedua tinggi ialah terminal permulaan (*starting terminal*) dan nilai bacaan yang ketiga tinggi ialah terminal larian (*running terminal*).



Rajah 3.11 : Ujian Menentukan Terminal (*Terminal Test*) Pada Motor Pemampat Sedang Dijalankan

Rajah 3.12 pula menunjukkan ujian yang sedang dijalankan keatas komponen motor kipas dengan berpandukan pada warna kabel sepertimana yang terdapat pada motor kipas. Penentuan terminal dapat ditentukan dengan mengambil kira nilai bacaan rintangan yang paling tinggi sebagai terminal permulaan, nilai bacaan rintangan kedua tinggi sebagai terminal larian, nilai bacaan ketiga tinggi sebagai terminal kelajuan rendah dan nilai bacaan rintangan yang paling rendah sekali sebagai kelajuan tinggi.



Rajah 3.12 : Ujian Penentuan Terminal (*Terminal Test*) Pada Motor Kipas Sedang Dijalankan.

Rajah 3.13 menunjukkan ujian yang sedang dijalankan keatas komponen motor pam air dengan berpandukan warna kabel yang terdapat pada motor tersebut. Penentuan terminal dapat ditentukan dengan mengambil kira nilai bacaan rintangan yang paling tinggi sebagai terminal hidup dan nilai bacaan rintangan kedua tinggi sebagai terminal neutral.



Rajah 3.13 : Ujian Penentuan Terminal (*Terminal Test*) Pada Motor Pam Air Sedang Dijalankan

3.4.4.2 Ujian Penebatan (*Insulation Test*)

Ujian ini juga perlu dilakukan terhadap komponen-komponen model seperti motor pemampat, motor kipas dan motor pam air kerana melalui ujian ini kita akan dapat memastikan bahawa tiada kebocoran arus kebumi (*earth leakage*) yang akan berlaku pada komponen-komponen. Ujian ini juga dapat menentukan bahawa komponen-komponen model kajian berada didalam keadaan selamat terhadap pengguna. **Rajah 3.14, Rajah 3.15 dan Rajah 3.16** menunjukkan ujian yang sedang dijalankan keatas komponen pemampat, motor kipas dan motor pam air dengan menggunakan peralatan *Insulation Tester*.



**Rajah 3.14 : Ujian Penebatan (*Insulation Test*) Pada Motor Pemampat Sedang
Dijalankan**



**Rajah 3.15 : Ujian Penebatan (*Insulation Test*) Pada Motor Kipas Sedang
Dijalankan**



**Rajah 3.16 : Ujian Penebatan (*Insulation Test*) Pada Motor Pam Air Sedang
Dijalankan**

3.4.4.3 Ujian Pendawaian (*Wiring Test*)

Ujian ini dilakukan adalah bertujuan bagi memastikan bahawa pendawaian yang dibuat terhadap komponen-komponen model seperti motor pemampat, motor kipas dan motor pam air berada didalam keadaan sempurna. Kesalahan membuat penyambungan pendawaian boleh menyebabkan terjadinya litar pintas (*short circuit*) oleh itu, ujian pendawaian perlu dilakukan terlebih dahulu sebelum ujikaji seterusnya dijalankan terhadap model kajian ini. Dalam melakukan ujian ini peralatan *multimeter* adalah diperlukan sepertimana dalam **Rajah 3.17** dibawah.



Rajah 3.17 : Ujian Pendawaian (*Wiring Test*) Pada Model Sedang Dijalankan

3.4.4.4 Ujian Prestasi (*Performance Test*)

Ujian prestasi model adalah merupakan ujian yang penting mesti dilakukan kerana melalui ujian ini kita akan dapat mengetahui prestasi ataupun keupayaan model kajian ini. Ujian ini dilakukan dengan mengoperasikan Model Kajian R718 selama 2 jam bagi setiap kali ujikaji, ia adalah bertujuan untuk menstabilkan perjalanan sistem dan mendapatkan bacaan yang sempurna. Bacaan data-data yang perlu dicatatkan adalah sepertimana dalam LAMPIRAN J.

Diantara ujian yang dijalankan adalah sepertimana **Rajah 3.18** iaitu ujian prestasi terhadap tekanan-tekanan yang terdapat didalam sistem seperti tekanan pada saluran sedutan, tekanan pada saluran luahan, tekanan pada saluran masukan pemeluwap, tekanan pada saluran keluaran pemeluwap, tekanan pada saluran masukan penyejat dan tekanan pada saluran keluaran penyejat dengan menggunakan peralatan yang dipanggil tolok pancarongga. **Rajah 3.19** pula menunjukkan bagaimana suhu pada komponen pemeluwap dan penyejat diukur ataupun di ukur dengan menggunakan peralatan jangkastuhu.




Rajah 3.18 : Ujian Prestasi Model (*Discharge Pressure, Suction Pressure, Condenser Inlet & Outlet Pressure, Evaporator Inlet & Outlet Pressure*) Sedang Dijalankan



Rajah 3.19 : Ujian Prestasi Model Bagi Suhu Pemeluwap Dan Suhu Penyejat Sedang Dijalankan

Daripada data-data yang diperolehi itu kita akan gunakan untuk melakarkah kitaran penyejukan sebagaimana **RAJAH 3.20** dan membuat pengiraan prestasi model, seperti pengiraan nilai Jumlah Haba Yang Dibeibaskan (*Total Heat Rejected*), Kesan Penyejukan (*Refrigeration Effect*), Pekali Prestasi (*Coefficient Of Performance*) dan Kerja Pemampat (*Work Done*). Selain itu peralatan-peralatan lain yang digunakan adalah seperti *amp probe meter* bagi mengukur arus mulaan dan arus larian dan *velocity meter* bagi mengukur kelajuan angin.



Rajah 3.20 : Kitaran Penyejukan Sepertimana Data Yang Diperolehi Melalui Model Kajian

3.4.4.5 Membuat Perbandingan Data Antara Model Kajian R718 Dengan Data Simulasi Perisian Komputer *Coolpack Software* Bagi R718 Dan Data Piawaian Model Sebenar R22.

Berpandukkan pada penetapan keupayaan yang telah ditetapkan dan suhu penyejat serta pemeluwap yang sama bagi setiap kali ujikaji Model Kajian R718. Menganalisa Model Kajian R718 perlulah dilakukan. Dalam membuat penganalisaan, perbandingan perlulah dilakukan adalah antara Model Kajian R718 dengan menggunakan simulasi perisian komputer *Coolpack Software* Bagi R718 dan data piawaian model sebenar R22. Perbandingan ini perlu dilakukan supaya kita dapat mengetahui yang mana satu lebih produktif ataupun efisien diantara satu sama lain.

Jadual 3.21 menunjukkan data-data spesifikasi kitaran proses penyejukan yang dimasukkan kedalam perisian komputer bagi simulasi R718. Data-data ini adalah berpandukkan suhu penyejat yang didapati pada setiap kali ujikaji pada Model Kajian R718 dan penetapan keupayaan Model Kajian R718 iaitu 0.746 kW. Penyelarasan data ini penting bagi membuat pengukuran prestasi model dan membuat analisa.


The screenshot shows the 'CYCLE SPECIFICATION' window in the Coolpack software. The window is divided into several sections with input fields and calculated values:

TEMPERATURE LEVELS		PRESSURE LOSSES		REFRIGERANT PROPERTIES	
T_E [°C]:	1.0	ΔT_{SH} [kPa]:	0	Refrigerant:	R718
T_C [°C]:	18.0	ΔP_{CL} [kPa]:	0.5	Evaporator:	0.30
		ΔP_{CO} [kPa]:	0.5		
CYCLE CAPACITY					
Cooling capacity \dot{Q}_e [kW]:	10	\dot{Q}_e : 10 [kW]	\dot{Q}_c : 10.60 [kW]	\dot{m} : 0.004077 [kg/s]	\dot{V}_g : 2992.41 [m³/h]
REFRIGERANT'S SPECIFICATIONS					
Power consumption \dot{W} [kW]:	0.746	η_{is} : 0.880 [-]	\dot{W} : 0.746 [kW]		
CONDENSER'S SUPERHEAT LOSS					
Heat loss factor f_s [%]:	10	f_s : 10.0 [%]	T_2 : 34.0 [°C]	\dot{Q}_{LOSS} : 0.8746 [kW]	
EVAPORATOR'S SUPERHEAT					
Unsubleat superheat $\Delta T_{SH,SL}$ [K]:	1.0	\dot{Q}_{SL} : 0 [W]	T_3 : 7.0 [°C]	$\Delta T_{SH,SL}$: 1.0 [K]	

At the bottom of the window, there are buttons for 'Calculate', 'Print', 'Help', 'Home', 'Auxiliary', 'State Points', 'COP: 13.400', and 'COP: 11.016'.

Rajah 3.21 : Spesifikasi Kitaran Proses Penyejukan

Rajah 3.22 menunjukkan analisa proses kitaran penyejukan yang terhasil setelah data-data tersebut dimasukkan didalam perisian tersebut. Melalui proses kitaran ini kita akan dapati beberapa data-data penting yang diperlukan bagi memastikan model ujikaji beroperasi dengan sempurna atau sebaliknya.



Rajah 3.22 : Analisa Proses Kitaran Penyejukan

Manakala **Jadual 3.23** pula adalah merupakan nilai bacaan sifat termodinamik yang terhasil pada setiap titik kedudukan yang bernombor 1 hingga 8 sepertimana yang terdapat dalam analisa proses kitaran penyejukan. **Jadual 3.24** pula adalah merupakan data-data tambahan dihasilkan.

REF Distributable: C:\program files\coolpack\ref\cooltool\pack\ref\1 Tool C1 - State Point

File Edit Search Options Calculate Tables Plots Windows Help

STATE POINTS					Additional information
STATE POINT	TEMPERATURE [°C]	PRESSURE [kPa]	ENTHALPY [kJ/kg]	DENSITY [kg/m ³]	
1	7.0	0.6	2513.6	0.0	Pressure ratio (p ₂ / p ₁): 2.962
2	94.9	1.9	2678.3	0.0	
3	94.9	1.8	2678.3	0.0	T _{2,18} : 92.9 [°C] T _{2,18} is the temperature of the discharge gas assuming reversible and adiabatic compression
4	14.0	1.8	58.7	999.2	
5	14.0	1.8	58.7	999.2	T _{2,W} : 104.6 [°C] T _{2,W} is the temperature of the discharge gas assuming real and adiabatic compression
6	1.0	0.7	58.7	---	
7	6.0	0.7	2511.7	0.0	
8	7.0	0.6	2513.6	0.0	

Calculate Print Help Home Cycle Spec. Auxiliary COP: 13.405 COP^{*}: 13.415

Rajah 3.23 : Nilai Bacaan Pada Kedudukan Titik Analisa Proses Kitaran Penyejukan

REF Distributable: C:\program files\coolpack\ref\cooltool\pack\ref\1 Tool C1 - Auxiliary calculation

File Edit Search Options Calculate Tables Plots Windows Help

AUXILIARY			
VOLUMETRIC EFFICIENCY			
Volumetric efficiency η_{VOL} [-]	0.8	η_{VOL} : 0.800 [-]	\dot{V}_S : 2992.41 [m ³ /h] \dot{V}_D : 3741 [m ³ /h]
<small>\dot{V}_S can be chosen as input in the cycle specification window.</small>			
UTILIZATION OF DISCHARGE GAS SUPERHEAT FOR HEATING OF WATER			
Temperature increase ΔT_{WATER} [K]	20	ΔT_{WATER} : 20 [K] \dot{V}_{WATER} : 0.02601 [m ³ /h] \dot{Q}_{DBH} : 0.605 [kW]	$T_{DL,OUT}$: 94.9 [°C] T_C : 16.0 [°C]
<small>Water in the desuperheating heat exchanger can only be heated to discharge temperature $T_{DL,OUT}$. \dot{Q}_C in the main diagram window includes both the heat load for both desuperheating and condensing of the refrigerant.</small>			
ENERGY CONSUMPTION			
Hours of operation [h]	8760	Energy consumption: 8535 [kWh]	
PIPE DIMENSIONS			
PIPE SECTION	VELOCITY [m/s]	PIPE DIAMETER (Internat) [mm]	Condition corresponds to
Suction line	10.0	325.3	State Point #1
Discharge line	12.0	197.8	State Point #2
Liquid line	0.6	2.9	State Point #5

Calculate Print Help Home Cycle Spec. State Points COP: 13.405 COP^{*}: 13.415

Jadual 3.24 : Data-Data Tambahan Analisa Proses Kitaran Penyejukan

BAB IV

KEPUTUSAN

4.1 Pengenalan

Di dalam bab 4 ini akan diterangkan dan dinyatakan segala keputusan, data dan pemerhatian yang diperolehi didalam kajian yang telah dijalankan. Bermula daripada keputusan ujian sampel air, keputusan ujian penentuan terminal dan keputusan ujian penebatan ke atas komponen-komponen model seperti motor pemampat, motor kipas dan motor pam air. Mencatat dan mengumpulkan data-data pada Model Kajian R718 semasa pengujian juga turut dilakukan untuk tujuan analisa dan membuat kesimpulan. Selain itu data hasil daripada simulasi R718 turut dicatat dan dikumpulkan bagi tujuan yang sama. Selepas itu perbandingan dilakukan diantara data Model Kajian R718 dengan data simulasi R718 dan data piawaian model sebenar R22 yang bertujuan untuk mengukur kemampuannya melalui parameter seperti jumlah haba yang dibebaskan oleh Pemeluwap, Kesan Penyejukan, Kerja Pemampat dan Pekali Prestasi.

BAB IV

KEPUTUSAN

4.1 Pengenalan

Di dalam bab 4 ini akan diterangkan dan dinyatakan segala keputusan, data dan pemerhatian yang diperolehi didalam kajian yang telah dijalankan. Bermula daripada keputusan ujian sampel air, keputusan ujian penentuan terminal dan keputusan ujian penebatan ke atas komponen-komponen model seperti motor pemampat, motor kipas dan motor pam air. Mencatat dan mengumpulkan data-data pada Model Kajian R718 semasa pengujian juga turut dilakukan untuk tujuan analisa dan membuat kesimpulan. Selain itu data hasil daripada simulasi R718 turut dicatat dan dikumpulkan bagi tujuan yang sama. Selepas itu perbandingan dilakukan diantara data Model Kajian R718 dengan data simulasi R718 dan data piawaian model sebenar R22 yang bertujuan untuk mengukur kemampuannya melalui parameter seperti jumlah haba yang dibebaskan oleh Pemeluwap, Kesan Penyejukan, Kerja Pemampat dan Pekali Prestasi.

4.2 Keputusan Ujian Sampel Air

Setelah pengujian dilakukan keatas sampel air yang telah ditapis dengan menggunakan cecair *pH Solution*, didapati air tersebut bertukar kepada warna torquise sepertimana **Rajah 4.1** dibawah. Kemudian apabila dipadankan dengan *pH Water Chart*, warna tersebut menunjukkan nilai 8.0 iaitu berada didalam kelompok *Alkaline*. Sila lihat **LAMPIRAN G**.



Rajah 4.1 : Hasil Ujian Keatas Sampel Air



Rajah 4.2 : Perbezaan Hasil Ujian Keatas Sampel Air

Jadual 4.1 menunjukkan hasil yang diperolehi daripada ujian-ujian yang telah dijalankan terhadap sampel air. Daripada ujian-ujian yang telah dilakukan kesemuanya bertukar kepada warna torquise iaitu bersamaan dengan nilai 8.0 didalam kelompok *Alkaline*.

Jadual 4.1 : Keputusan Bagi Sampel Air Yang Diuji Menggunakan pH Solution

Bil	Ujian Kali	Sampel air yang diambil (ml)	Keputusan warna air selepas ia dititiskan dengan cecair pH Solution
1	Pertama	150	Berubah kepada warna torquise
2	Kedua	150	Berubah kepada warna torquise
3	Ketiga	150	Berubah kepada warna torquise
4	Keempat	150	Berubah kepada warna torquise
5	Kelima	150	Berubah kepada warna torquise

Hak Milik MIRA

4.3 Keputusan Ujian Menentukan Terminal (*Terminal Test*) Keatas Motor Pemampat Dan Motor Kipas.

4.3.1 Ujian Keatas Motor Pemampat

Berdasarkan **Jadual 4.2** dibawah, menunjukkan bacaan rintangan yang diperolehi daripada terminal bertanda A, B dan C pada motor pemampat. Hasil daripada bacaan tersebut barulah penentuan terminal dapat diperolehi sepertimana yang terdapat pada ruangan penentuan terminal.

Jadual 4.2 : Keputusan Ujian Menentukan Terminal Keatas Motor Pemampat Berdasarkan Pada Suhu Sekeliling 20°C

Terminal	Bacaan	Penentuan Terminal
A & B	1.2 Ω	B adalah terminal Permulaan (<i>Starting</i>)
A & C	0.8 Ω	C adalah terminal Larian (<i>Running</i>)
B & C	2.0 Ω	A adalah terminal Umum (<i>Common</i>)

4.3.2 Ujian Keatas Motor Kipas

Jadual 4.3 menunjukkan bacaan yang diperolehi daripada terminal mengikut warna kabel yang terdapat pada motor kipas. Hasil daripada jumlah nilai bacaan menunjukkan bahawa penentuan terminal dapat ditentukan dengan mengambil nilai bacaan rintangan yang paling tinggi sebagai terminal mulaan, nilai bacaan rintangan yang kedua tinggi sebagai terminal larian, nilai bacaan rintangan yang ketiga tinggi sebagai terminal kelajuan rendah dan nilai bacaan rintangan yang paling rendah sekali sebagai terminal kelajuan tinggi.

Jadual 4.3 : Keputusan Ujian Menentukan Terminal Keatas Motor Kipas
Berdasarkan Suhu Sekeliling 20 °C

Terminal (Mengikut Warna Kabel)	Oren	Kuning	Biru	Merah
Oren		40 Ω	45 Ω	52 Ω
Kuning	40 Ω		35 Ω	38 Ω
Biru	45 Ω	35 Ω		42 Ω
Merah	52 Ω	38 Ω	42 Ω	
Jumlah	137 Ω	113 Ω	122 Ω	132 Ω


4.3.3 Ujian Keatas Motor Pam Air

Melalui **Jadual 4.4** dibawah menunjukkan bacaan yang diperolehi daripada terminal mengikut warna kabel yang terdapat pada motor pam air. Hasil daripada jumlah bacaan diatas menunjukkan bahawa penentuan terminal dapat ditentukan dengan mengambil kira bahawa kabel yang berwarna coklat dan biru adalah merupakan terminal bagi sambungan terminal hidup (*live terminal*) dan terminal neutral (*neutral terminal*) kerana ia merupakan arus ulangalik (*alternating current*).

Jadual 4.4 : Keputusan Ujian Menentukan Terminal Keatas Motor Pam Air Berdasarkan Pada Suhu Sekeliling 20 °C

Terminal (Mengikut Warna Kabel)	Coklat	Biru	Hijau Kuning
Coklat		140 Ω	∞ Ω
Biru	140 Ω		∞ Ω
Hijau Kuning	∞ Ω	∞ Ω	
Jumlah	140 Ω	140 Ω	∞ Ω

Rajah 4.3 adalah merupakan graf ujian rintangan melawan suhu bagi penentuan terminal yang telah dilakukan ke atas motor pemampat, motor kipas dan motor pam air. Hasil daripada graf yang didapati menunjukkan bahawa rintangan setiap gegelung adalah berbeza-beza mengikut setiap fungsi gegelung tersebut walaupun ia diukur pada suhu sekeliling yang sama iaitu 20 °C. Rintangan yang tinggi sekali adalah digunakan untuk menghasilkan *Electromotive Force* yang tinggi oleh itu gegelung ini ditugaskan untuk menjalankan motor diperingkat permulaan pergerakan rotor ataupun ianya dikenali dengan nama *Starting Winding*.



Rajah 4.3 : Rintangan Lawan Suhu Sekeliling Bagi Terminal Motor Pemampat, Motor Kipas Dan Motor Pam Air

Hak Milik MARA

4.4 Keputusan Ujian Penebatan (*Insulation Test*) Keatas Motor Pemampat, Motor Kipas Dan Motor Pam Air.

4.4.1 Ujian Keatas Motor Pemampat

Berdasarkan **Jadual 4.5** dibawah menunjukkan jumlah purata bagi keputusan ujian penebatan yang diperolehi daripada salah satu komponen model iaitu motor pemampat dengan menyelaraskan arus sebanyak $2\text{ M}\Omega$. Hasil daripada nilai purata tersebut menunjukkan bahawa motor pemampat ini tiada mengalami kebocoran arus kebumi (*earth leakage*) dan ianya berada didalam keadaan selamat.

Jadual 4.5 : Keputusan Ujian Penebatan Keatas Motor Pemampat Berdasarkan Suhu Sekeliling 20°C

Terminal (Mengikut Huruf)	Ujikaji	Ujikaji	Ujikaji	Purata
	1	2	3	
A & Bumi	∞	∞	∞	∞
B & Bumi	∞	∞	∞	∞
C & Bumi	∞	∞	∞	∞

4.4.2 Ujian Keatas Motor Kipas

Jadual 4.6 menunjukkan jumlah purata bagi keputusan ujian penebatan yang diperolehi daripada salah satu komponen model iaitu motor kipas dengan menyelaraskan arus sebanyak $2\text{ M}\Omega$. Hasil daripada nilai purata tersebut menunjukkan bahawa motor kipas ini juga tidak mengalami kebocoran arus kebumi (*earth leakage*).

Jadual 4.6 : Keputusan Ujian Penebatan Keatas Motor Kipas Berdasarkan Pada Suhu Sekeliling 20°C

Terminal (Mengikut Warna Kabel)	Ujikaji	Ujikaji	Ujikaji	Bacaan Purata
	1	2	3	
Oren & Bumi	∞	∞	∞	∞
Kuning & Bumi	∞	∞	∞	∞
Biru & Bumi	∞	∞	∞	∞
Merah & Bumi	∞	∞	∞	∞

4.4.3 Ujian Keatas Motor Pam Air

Jadual 4.7 menunjukkan jumlah purata bagi keputusan ujian penebatan yang diperolehi daripada salah satu komponen model iaitu motor pam air dengan menyelaras arus sebanyak $2\text{ M}\Omega$. Hasil daripada nilai purata tersebut menunjukkan bahawa motor pam ini juga tidak mengalami kebocoran arus kebumi (*earth leakage*).

Jadual 4.7 : Keputusan Ujian Penebatan Keatas Motor Kipas Berdasarkan Suhu Sekeliling 20°C

Terminal (Mengikut Warna Kabel)	Ujikaji	Ujikaji	Ujikaji	Purata
	1	2	3	
Coklat & Bumi	∞	∞	∞	∞
Biru & Bumi	∞	∞	∞	∞

4.4.4 Analisa Ujian

Setelah ketiga-tiga komponen selesai dinilai serta di buat analisa, ia menunjukkan bahawa komponen-komponen tersebut berada didalam keadaan selamat yang mana nilai penebatannya adalah tidak terhingga ataupun ∞ . Mengikut peraturan IEE edisi ke 16 menerangkan bahawa segala mesin-mesin ataupun peralatan-peralatan elektrik mestilah mempunyai nilai penebatan melebihi $1\text{ M}\Omega$. Jikalau kita perhatikan nilai ketiga-tiga komponen tersebut melebihi daripada yang telah ditetapkan. Oleh itu \$daripada analisa ini dapat kita simpulkan bahawa ketiga-tiga mesin tersebut adalah berada didalam keadaan selamat dan bebas daripada mengalami kebocoran arus kebumi (*earth leakage*).

4.5 Keputusan Ujian Pendawaian (*Circuit Test*).

Jadual 4.8 dibawah menunjukkan keputusan ujian pendawaian (*circuit test*) yang dilakukan keatas model. Daripada pemerhatian yang didapati bahawa ianya menunjukkan keputusan baik kerana sistem pendawaian tersebut tidak mengalami keterusan diantara satu sama lain. Keterusan disini bermaksud pendawaian mempunyai nilai rintangan iaitu pada terminal hidup dan terminal neutral bernilai 150Ω , manakala bagi terminal hidup, neutral dan bumi nilai rintangan ialah ∞ dan jika ianya dimasukkan arus elektrik litar tidak akan berlaku litar pintas (*short circuit*). Maka kesimpulan daripada hasil ujian ini adalah baik.

Jadual 4.8 : Keputusan Ujian Pendawaian Keatas Model Berdasarkan Pada Suhu Sekeliling 20°C

Terminal	Ujikaji 1	Ujikaji 2	Ujikaji 3	Keputusan
Hidup & Neutral	150Ω	150Ω	150Ω	Baik
Hidup & Bumi	∞	∞	∞	Baik
Neutral Dan Bumi	∞	∞	∞	Baik

4.6 Keputusan Ujian Prestasi (*Performance Test*)

4.6.1 Data Model Kajian R718

Jadual 4.9 menunjukkan bacaan yang diperolehi daripada hasil ujian prestasi keatas model kajian yang telah dijalankan. Ujikaji ini telah dilakukan sebanyak 5 kali dan setiap kali ujikaji mengambil masa selama 2 jam. Setelah kesemua bacaan diperolehi nilai purata keseluruhan bagi Pekali Prestasi adalah 6.736. Keputusan ini menunjukkan bahawa model kajian R718 ini berada didalam sistem penyejukan yang ideal.

Hak Milik MARA

Jadual 4.9 : Keputusan Ujian Prestasi Bagi Model Kajian R718

Bil	Perkara	Ujikaji					Purata
		1	2	3	4	5	
1	Suhu Pemeluwap (°C)	35.0	36.0	37.5	37.0	36.5	36.4
2	Suhu Masuk Pemeluwap (°C)	95.7	95.8	95.8	96.1	95.9	95.86
3	Suhu Keluar Pemeluwap (°C)	33.0	34.0	37.5	35	34.5	34.8
4	Suhu Penyejat (°C)	6.2	6.5	7.5	7.0	6.7	6.78
5	Suhu Masuk Penyejat (°C)	6.2	6.5	7.5	7.0	6.7	6.78
6	Suhu Keluar Penyejat (°C)	11.2	11.5	12.5	12.0	11.7	11.78
7	Discharge Pressure (Bar)	0.8676	0.8708	0.8708	0.8804	0.8739	0.8727
8	Suction Pressure (Bar)	0.0133	0.0136	0.0145	0.0140	0.0137	0.0138
9	Entalphy h_1 (kJ/Kg)	2360.8	2361.5	2363.9	2363.5	2362.7	2362.5
10	Entalphy h_2 (kJ/Kg)	2679.4	2679.5	2679.4	2680.0	2679.6	2679.6
11	Entalphy h_3 (kJ/Kg)	138.2	142.4	148.7	146.0	144.5	143.96
12	Entalphy h_4 (kJ/Kg)	138.2	142.4	148.7	146.0	144.5	143.96
13	Haba Dibebaskan (kJ/kg)	2541.2	2537.1	2530.7	2534.0	2535.1	2535.6
14	Kesan Penyejukan (kJ/kg)	2211.8	2208.4	2206.0	2206.1	2206.9	2207.9
15	Kerja Pemampat (kJ/kg)	329.5	328.7	324.7	327.9	328.1	327.8
16	Pekali Prestasi (COP)	6.976	6.980	7.021	7.006	6.997	6.736

Berdasarkan **Rajah 4.4** graf pekali prestasi lawan suhu menunjukkan bahawa terdapatnya 6 set bacaan suhu yang terdiri daripada suhu pemeluwap, suhu masuk pemeluwap, suhu keluar pemeluwap, suhu penyejat, suhu masuk penyejat dan suhu keluar penyejat. Bacaan tersebut diperolehi dari 5 kali ujikaji. Perhubungan diantara kesemua suhu memberikan nilai Pekali Prestasi yang tinggi. Perkara ini dibuktikan pada nilai Pekali Prestasi 7.021 yang menyebabkan meningkatnya bacaan suhu pemeluwap, bacaan suhu masuk pemeluwap, bacaan suhu keluar pemeluwap, bacaan suhu penyejat, bacaan suhu masuk penyejat dan bacaan suhu keluar penyejat. Selain itu juga terdapat penurunan nilai Pekali Prestasi yang berlaku pada 6.976 yang mana nilai ini turut menurunkan semua nilai suhu. Ini juga menunjukkan bahawa Pekali Prestasi berkadar terus dengan suhu.



Rajah 4.4 : Pekali Prestasi Lawan Suhu Bagi Model Kajian R718

Rajah 4.5 menunjukkan graf suhu penyejat lawan Pekali Prestasi yang berlaku semasa ujikaji dijalankan. Didapati pada nilai suhu penyejat 7.5 °C terdapatnya peningkatan yang berlaku pada nilai Pekali Prestasi iaitu 7.021. Manakala pada suhu penyejat 6.2 °C berlaku penurunan nilai Pekali Prestasi iaitu 6.976. Ini menunjukkan bahawa suhu penyejat menyebabkan terjadinya peningkatan ataupun penurunan nilai Pekali Prestasi. Kesimpulannya menunjukkan bahawa suhu penyejat mempengaruhi nilai Pekali Prestasi.



Rajah 4.5 : Suhu Penyejat Lawan Pekali Prestasi Bagi Model Kajian R718


4.6.2 Data Simulasi R718

Dalam **Jadual 4.10** dibawah adalah merupakan keputusan ujian presatsi yang dilakukan melalui perisian komputer bagi simulasi R718. Sila rujuk **LAMPIRAN L** untuk melihat data simulasi tersebut.

Jadual 4.10 : Keputusan Ujian Prestasi Bagi Simulasi R718

Bil	Perkara	Ujikaji					Purata
		1	2	3	4	5	
1	Suhu Pemeluwap (°C)	35.0	36.0	37.5	37.0	36.5	36.4
2	Suhu Masuk Pemeluwap (°C)	163.5	163.5	164	163.6	163.6	163.64
3	Suhu Keluar Pemeluwap (°C)	33	34	37.5	35	34.5	34.8
4	Suhu Penyejat (°C)	6.2	6.5	7.5	7.0	6.7	6.78
5	Suhu Masuk Penyejat (°C)	6.2	6.5	7.5	7.0	6.7	6.78
6	Suhu Keluar Penyejat (°C)	11.2	11.5	12.5	12.0	11.7	11.78
7	Discharge Pressure (Bar)	6.7485	6.7485	6.8328	6.7654	6.7634	6.7717
8	Suction Pressure (Bar)	0.0200	0.0196	0.0186	0.0191	0.0194	0.0193
9	Entalphy h_1 (kJ/Kg)	2460.8	2461.5	2463.5	2462.6	2461.9	2462.1
10	Entalphy h_2 (kJ/Kg)	2808.8	2808.7	2809.5	2808.9	2808.8	2808.9
11	Entalphy h_3 (kJ/Kg)	138.2	142.4	148.7	146.6	144.5	144.1
12	Entalphy h_4 (kJ/Kg)	138.2	142.4	148.7	146.6	144.5	144.1
13	Haba Dibebaskan (kJ/kg)	2670.6	2606.3	2660.8	2662.3	2664.3	2652.9
14	Kesan Penyejukan (kJ/kg)	2322.6	2319.1	2314.9	2316.0	2317.5	2318.0
15	Kerja Pemampat (kJ/kg)	348.0	347.2	345.9	346.3	346.8	346.9
16	Pekali Penyejukan (COP)	6.675	6.679	6.691	6.687	6.681	6.683

Rajah 4.6 menunjukkan graf Pekali Prestasi lawan suhu yang didapati dari hasil simulasi R718. Berdasarkan graf tersebut nilai Pekali Prestasi akan meningkat dan menurunkan kesemua nilai bacaan suhu. Ini dapat dilihat pada nilai Pekali Prestasi yang paling maksimum nilai iaitu 6.691 telah menaikkan nilai kesemua suhu ke tahap maksimum. Ini menunjukkan bahawa peningkatan nilai Pekali Prestasi adalah berkadar terus dengan peningkatan suhu. Perkara ini juga menyerupai apa yang berlaku pada graf Model Kajian R718. Hasil daripada pemerhatian menunjukkan berlakunya peningkatan pada nilai Pekali Prestasi akan memberi kesan peningkatan nilai suhu. Manakala penurunan nilai Pekali Prestasi secara langsung menurunkan nilai suhu. Perhubungan diantara suhu pemeluwap dan suhu penyejat akan memberikan keupayaan nilai Pekali Prestasi.



Rajah 4.6 : Pekali Prestasi Lawan Suhu Bagi Simulasi R718

Berdasarkan **Rajah 4.7** bagi graf suhu penyejat lawan Pekali Prestasi yang dihasilkan bagi R718. Dapat diperhatikan bahawa suhu penyejat yang meningkat akan menghasilkan nilai Pekali Prestasi yang tinggi sepertimana pada suhu penyejat $7.5\text{ }^{\circ}\text{C}$ dengan nilai Pekali Prestasi yang tinggi iaitu 6.691. Manakala pada suhu penyejat $6.2\text{ }^{\circ}\text{C}$ akan turut menurunkan nilai Pekali Prestasi iaitu 6.675. Perkara ini juga menyerupai apa yang berlaku pada graf Model Kajian R718. Hasil daripada pemerhatian dapat dinyatakan disini bahawa peningkatan dan penurunan nilai Pekali Prestasi adalah berkadar terus dengan peningkatan dan penurunan suhu penyejat. Perhubungan ini menentukan nilai Pekali Prestasi samaada tinggi adau rendah.



Rajah 4.7 : Suhu Penyejat Lawan Pekali Prestasi Bagi Simulasi R718

4.7 Perbandingan Keputusan Ujian Prestasi Antara Model Kajian R718 Dengan Simulasi R718 Dan Data Piawaian Model Sebenar R22.

Daripada **Jadual 4.11** dibawah menunjukkan perbezaan nilai yang didapati melalui Model Kajian R718 dengan simulasi R718 dan data piawaian model sebenar R22. Nilai-nilai bagi Model Kajian R718 dan simulasi R718 adalah merupakan nilai-nilai purata yang didapati daripada ujikaji dan simulasi yang telah dijalankan. Perbezaan nilai-nilai ini merangkumi jumlah haba yang dibebaskan oleh Pemeluwap, Kesan Penyejukan, Kerja Pemampat dan Pekali Prestasi.

Jadual 4.11 : Perbandingan Ujian Prestasi Antara Model Kajian R718 Dengan Simulasi R718 Dan Data Piawaian Model Sebenar R22.

Perkara	Model Kajian R718 Secara Nilai Purata	Simulasi R718 Secara Nilai Purata	Data Piawaian Sebenar R22
Suhu Pemeluwap (°C)	36.4	36.4	30.0
Suhu Masuk Pemeluwap (°C)	95.86	163.64	53.5
Suhu Keluar Pemeluwap (°C)	34.8	34.8	29.6
Suhu Penyejat (°C)	6.78	6.78	-15.0
Suhu Masuk Penyejat (°C)	6.78	6.78	-15.1
Suhu Keluar Penyejat (°C)	11.78	11.78	-10.9
Haba Dibebaskan (kJ/kg)	2535.6	2652.9	198.28
Kesan Penyejukan (kJ/kg)	2207.9	2318.0	163.29
Kerja Pemampat (kJ/kg)	327.8	346.9	34.99
Pekali Penyejukan (COP)	6.736	6.683	4.667

Rajah 4.8 menunjukkan graf perbandingan antara Model Kajian R718 dengan simulasi R718 dan data piawaian model sebenar R22. Berdasarkan graf tersebut menunjukkan bahawa terdapatnya perbezaan antara satu sama lain. Antara perbezaan tersebut ialah dari segi haba yang dibebaskan oleh Pemeluwap. Dimana, bagi simulasi R718 ia adalah merupakan nilai yang paling maksimum diantara yang lain iaitu 2652.9 kJ/kg. Ini menunjukkan bahawa pendingin R718 mempunyai nilai pembebasan haba yang tinggi berbanding bahan pendingin R22 kerana sistem yang menggunakan air sebagai bahan pendingin mempunyai isipadu tentu yang tinggi (*high specific volume*) dan menghasilkan suhu keluar pemampat yang tinggi (*high discharge pressure*).

Kesan Penyejukan yang berlaku pula menunjukkan nilai bagi Model Kajian R718, simulasi R718 adalah merupakan nilai yang tinggi. Ini juga berlaku adalah disebabkan oleh kesan isipadu yang tinggi dan persamaan tenaga (*energy balance*) yang berlaku diantara pemeluwap dengan penyejat dimana jika nilai pembebasan haba yang berlaku dipemeluwap tinggi maka nilai Kesan Penyejukan yang berlaku di penyejat turut meningkat tinggi. Nilai Kesan Penyejukan Model Kajian R718 ialah 2207.9 kJ/kg dan simulasi R718 2318.0 kJ/kg berbanding dengan data piawaian model sebenar R22 iaitu 163.29.

